

Kearifan Tempatan *Sundait* Dusun Liwan

Rosliah Kiting
rosliah@gbk.upsi.edu.my
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Julianah Kuli
julie@dbp.gov.my
Noor Ainna Abd Hamid
noor_ainna@dbp.gov.my
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah

Pengenalan

Kearifan tempatan (*local wisdom*) berkait rapat dengan ilmu dan kepakaran yang wujud daripada pengalaman sebenar yang dialami dalam waktu yang sangat panjang yang berasal daripada budaya tempatan, berkembang dari semasa ke semasa dan kemudiannya diserap masuk ke dalam masyarakat setempat. Muhammad Ikhlas Rosele dan Abdul Karim Al (2019) menjelaskan kearifan tempatan sebagai satu terma ilmu yang dibentuk bagi menjelaskan satu keadaan, budaya dan ilmu bagi sesuatu kawasan atau masyarakat. Dari sudut etimologi, kearifan tempatan mengandungi dua perkataan, iaitu kearifan (*wisdom*) dan tempatan (*local*). Secara prinsipnya setiap perkataan tersebut perlu difahami untuk mendapat penjelasan makna umum kearifan tempatan, iaitu lingkungan kawasan dan serantau manakala kearifan adalah seerti dengan hemah. Menurut pengkaji ini, kearifan tempatan ini boleh diterjemahkan dalam bentuk pelbagai seperti kata pepatah berbentuk nasihat, pantun, syair, cerita lisan atau sistem, prinsip, norma, aturan sosial dan moral yang menjadi satu sistem sosial, upacara, kepercayaan, amalan ritual dan tradisi atau perlakuan dan tindakan dalam interaksi sosial.

Tokoh terawal yang menyentuh berkaitan dengan kearifan tempatan Clifford Geertz mendefinisikan kearifan tempatan sebagai satu bentuk ilmu pengetahuan yang wujud dan diamalkan dalam sesuatu masyarakat. Lazimnya kearifan tempatan tersemat dalam pemikiran, bahasa, amalan, artifak, adat istiadat, institusi atau upacara. Sastera rakyat sebagai hasil pemikiran dan cetusan budaya sesuatu masyarakat melambangkan kearifan tempatan yang diguna pakai dalam kehidupan seharian masyarakat pendukungnya.

Sundait atau teka-teki merupakan salah satu sastera rakyat etnik Dusun Liwan yang masih dituturkan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Sebagai tradisi lisan, *sundait* dikategorikan sebagai sastera rakyat yang menyimpan pelbagai kearifan tempatan etnik Dusun Liwan sebagai pendukungnya. Penciptaan *sundait* memancarkan pandangan hidup, cara

berfikir, ketinggian akal budi malahan menjadi bahan komunikasi yang berkesan menceriakan suasana mengetam padi masyarakat ini pada zaman dahulu. Sehubungan dengan itu, kajian *sundait* sebagai sastera rakyat etnik Dusun Liwan bertujuan untuk memahami corak pemikiran etnik ini untuk mengungkapkan buah fikiran dalam menghadapi sesuatu situasi. Kajian ini penting untuk mengolah pemikiran dalam *sundait* secara ilmiah kemudian didokumentasikan untuk tatapan umum. Hasil kajian akan dapat memberikan peluang kepada generasi muda memahami, mengamalkan dan mengekalkan amalan budaya sebagai cerminan ketinggian dan nilai peradaban Dusun Liwan.

Sorotan Kajian

Kajian-kajian terdahulu mendapati sastera rakyat seperti teka-teki mempunyai kearifan tempatan untuk memahami tamadun masyarakat pendukungnya. Umpamanya, kajian yang dilakukan oleh Usop (2010) yang mendapati bahawa genre ini kaya dengan nilai peribumi yang membentuk kearifan tempatan masyarakat pendukungnya. Demikian juga dengan kajian Ara (2010), Effendy (2010), Rafiek (2012), Gani dan Abdulrahman (2012) serta Gani (2013) terhadap sastera rakyat Melayu Bangka, Dayak, Madihin, Managua dan Minangkabau yang mendapati kearifan tempatan dalam genre ini banyak digunakan sebagai wadah untuk mendidik di samping sebagai hiburan dengan dibatasi oleh norma-norma sosial masyarakat pemiliknya. Dengan melihat kearifan tempatan sastera rakyat tersebut, maka kajian ini akan menganalisis kearifan tempatan sastera rakyat *sundait* Dusun Liwan yang masih kurang dilakukan kajian.

Selanjutnya, kajian Asmiaty (2014), teka teki merupakan salah satu sastera lisan yang paling terkenal di Malaysia. Kriteria teka-teki menurut Taylor (1959) ialah pertanyaan yang menjelaskan suatu objek yang perlu diteka jawapannya. Lazimnya untuk mendapatkan jawapan, teka teki mengandungi penjelasan objek yang bertindak sebagai metafora atau kiasan untuk suatu subjek. Masyarakat Iban juga mempunyai tradisi lisan yang menyerupai teka-teki disebut *entelah*. Menurut Patricia Ganing, Asmiaty Amat dan Lokman Abdul Samad (2018), *entelah* merupakan sastera lisan yang menjadi warisan berharga dalam masyarakat Iban yang masih hidup, berkembang dan digunakan sehingga kini. *Entelah* berfungsi sebagai hiburan, menguji minda dan merakamkan sosiobudaya masyarakat Iban menerusi kandungan penyataan dalam penceritaan yang digunakan. Keistimewaan *entelah* dapat dilihat melalui bentuk penceritaannya, manakala kandungan penyataan dalam penceritaan *entelah* mengandungi gambaran tentang kearifan tempatan berkaitan dengan kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban tradisional.

Bhak-tebbhaghan atau teka teki Madura ialah sastera rakyat yang disampaikan menggunakan bahasa Madura yang berupa kalimat, cerita, gambar dan lain-lain yang diungkapkan dengan samar-samar untuk diteka maksudnya. Teka-teki Madura berfungsi sebagai yang pertama, media pendidikan nilai budaya. Kedua, media hiburan anak-anak saat bermain. Ketiga, media pendukung pertunjukan. Keempat, sarana untuk menciptakan suasana humor dan kelima sebagai media komunikasi sehari-hari.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah disebutkan, dapat disimpulkan bahawa teka-teki kaya dengan kearifan tempatan yang memainkan peranan yang penting dalam masyarakat pendukungnya. Kearifan tempatan jelas dilihat dalam fungsi tradisi lisan ini yang menggambarkan bahawa ianya bukan hanya hiburan semata-mata tetapi berfungsi meliputi konteks kehidupan sejagat, sosialisasi, pendidikan malahan dari segi kemenjadian manusia. Hal ini menyebabkan tradisi lisan *sundait* dalam etnik Dusun Liwan sangat penting diteroka untuk menelurusi kearifan tempatan dalam tradisi lisan ini sebagai khazanah bangsa yang sangat berharga. Kajian secara ilmiah sudah pasti memberikan jawapan yang berbeza dengan pengamatan sehari-hari sebagai anggota etnik Dusun Liwan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melaksanakan kerja lapangan. Data diperoleh melalui temu bual menggunakan responden dalam kalangan orang tua-tua yang menguasai bahasa Dusun Liwan dan masih menuturkan *sundait*. Data temu bual dirakam kemudian ditranskripsi. Seterusnya data dianalisis dengan mengkategorikan *sundait* mengikut kearifan tempatan kemudian dipersembahkan dalam bentuk laporan deskriptif.

Dapatan Kajian

Tidak dinafikan bahawa *sundait* mempunyai elemen kearifan tempatan terutamanya dalam menyampaikan pendidikan meliputi nasihat, tauladan, pengajaran dan adat yang realitinya memperkenalkan corak pemikiran masyarakat Kadazandusun sebagai pemiliknya. Penyusunan kata-kata diolah dengan rapi dan teliti untuk memberikan bayangan kepada maksud, iaitu jawapan *sundait*. Setiap susunan ungkapan bukan sahaja memperlihatkan irama yang indah, tetapi juga disusun dengan begitu teliti agar pemilihan perkataan yang digunakan dapat membayangkan kearifan tempatan dalam bentuk corak pemikiran yang kritis, memaparkan kebijaksaan masyarakat pada suatu masa dahulu yang berpandangan jauh dalam melontarkan idea serta pengajaran yang relevan pada zaman tersebut. Hal ini menjadikan *sundait* ini terus

menjadi wadah penyebaran nilai-nilai luhur yang kemudiannya diwariskan kepada anak cucu secara lisan.

Perkataan *sundait* merupakan akronim daripada perkataan *sundai* atau *sunudai*, iaitu perbuatan mengemukakan soalan dan *karait*, iaitu jawapan kepada soalan tersebut. Pembentukan akronim tersebut dapat dilihat seperti berikut:

$$\boxed{\textit{sundai} (\textit{sunudai}) + \textit{karait} = \textit{sundait}}$$

Secara tradisi, kegiatan *misundait* (berteka-teki) lazimnya dilakukan pada musim menuai padi. Menurut kepercayaan masyarakat ini, aktiviti berjual-beli *sundait* akan menimbulkan rasa gembira, seronok dan kelihatan aktif dalam berkomunikasi. Aktiviti *misundait* ini akan memberikan mereka keseronokan kerana ciri-ciri *sundai* yang menimbulkan tawa ria disertai dengan gurau senda untuk memeriahkan kegiatan berteka-teki. Situasi ini akan melekakan peserta kerana asyik memikirkan jawaban *sundait*, tanpa disedari kerja mengetam padi telah selesai.

Perubahan corak ekonomi etnik Dusun Liwan kepada sektor pekerjaan lain sebagai kakitangan kerajaan atau swasta telah mengurangkan kegiatan menanam padi. Keadaan ini turut mengubah penggunaan *sundait*, namun kini diperluas penggunaannya seperti semasa perayaan pesta menuai dan aktiviti-aktiviti budaya etnik ini seperti tamu besar, *moginakan* (hari keluarga dengan pesta makan) dan sebagainya. *Sundait* juga dijadikan salah satu aktiviti kuiz di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Kearifan Tempatan dalam *Sundait*

Sundait memainkan peranan yang penting dalam sosiobudaya masyarakat Kadazandusun kerana ianya kaya dengan kearifan tempatan yang menjadi sebahagian daripada identiti etnik ini. Kearifan tempatan adalah kebijaksanaan tempatan yang mempunyai nilai-nilai kebaikan, dipraktikkan sehingga menjadi budaya dalam kalangan masyarakat pendukungnya. Antara kearifan tempatan yang terselit dalam sastera rakyat *sundait* adalah seperti yang dijelaskan berikutnya:

a. Kearifan tempatan dalam berhibur

Sundait sebagai hiburan sering disebut sebagai *popotingkod do huyan* (menghilangkan kepenatan) *mongidu apaasan* (mengelakkan rasa bosan) atau *ponginiba tadau* (memendekkan waktu siang). Hal ini dikaitkan dengan aktiviti menuai yang meletihkan dan membosankan. Kerja

menuai memerlukan ketelitian agar semua tangkai padi dapat dituai dan disimpan di dalam *wakid* (sejenis kraftangan, diperbuat daripada rotan yang digunakan untuk memasukkan tuaian padi). Kerja ini juga memerlukan si penuai berdiri sepanjang hari. Untuk melegakan keletihan dan kebosanan ini, aktiviti berbalas-balas *sundait* dilakukan sebagai hiburan. Kebijaksanaan dan kekreatifan mengucapkan *sundait* yang mencetuskan hiburan menjadikan kerja sehari menuai padi terasa cepat berlalu. Begitu juga dengan terik mentari seakan kurang terasa. Contoh *sundait* yang menjurus kepada hiburan adalah seperti berikut:

Sundait 1

Mindahu milang-bilang, korikot om mudukut.

(Ketika berjalan ke ladang tidak membawa apa-apa atau hanya membawa badan.
Apabila tiba di ladang terus duduk.)

Pengucapan *sundait 1* ini menimbulkan pelbagai tekaan. Kepelbagaian ini akan menimbulkan suasana yang menggembirakan dan menghiburkan apatah lagi ditambah dengan peserta-peserta yang arif menjadikan soalan ini lebih mengelirukan dan melucukan. Adakalanya bagi yang mahir, mereka tidak terus memberikan jawapan tetapi mengutarakan kata-kata pembayang sehingga peserta lain lebih mudah memberikan jawapan. Contohnya, seorang akan mengemukakan soalan tambahan seperti “adakah jawapannya manusia?” Apabila penjual *sundait* mengatakan “bukan”, maka peserta lain akan terus berfikir siapa lagi yang akan ke ladang selain manusia yang tidak tidak membawa apa-apa sehingga dapat meneka dengan tepat jawapannya, iaitu “anjing”. *Sundait* seperti ini menggambarkan kearifan tempatan etnik Dusun Liwan ketika menuai padi sehingga menjadikan aktiviti ini ditunggu-tunggu dan diminati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

b. Kearifan tempatan dalam mengasah minda seseorang

Sundait terkenal dengan fungsinya sebagai pengasah atau penajam minda kerana ciri-cirinya soalannya yang memerlukan ketajaman minda untuk berfikir mencari jawapannya. Penciptaan *sundait* yang memerlukan proses memahami soalan kemudian mencari jawapannya menjadikan *sundait* sukar dilupakan sebagai kearifan tempatan etnik Dusun Liwan yang mampu mengasah minda agar dapat menguasai kemahiran berfikir aras tinggi. Begitu juga dengan acara berjual beli *sundait* yang lazimnya pada waktu lapang dan santai menjadikan *sundait* kekal dalam ingatan

sehingga kekerapan menyertai aktiviti berjual beli *sundait* dapat mengasah minda seseorang itu menjadi semakin mahir meneka jawapan *sundait*.

Sundait berfungsi sebagai pengasah atau penguji minda dapat dilihat melalui soalan yang dikemukakan dan jawapan yang diberikan oleh pihak lain. Aktiviti ini dilakukan dengan cara bersoal jawab. Adakah soalan dikemukakan dengan cara berpantun tetapi jawapannya tidak perlu dalam bentuk pantun. Penjawab boleh mengemukakan jawapan dalam bentuk perkataan, frasa atau ayat. Lazimnya aktiviti ini dilakukan semasa waktu lapang, iaitu ketika masa rehat selepas penat bekerja di ladang untuk tujuan bersenda gurau. Aktiviti ini juga dilakukan ketika majlis-majlis keramaian sebagai hiburan. Contoh-contoh *sundait* yang mempunyai ciri-ciri pengasah minda adalah seperti berikut:

Sundait 2

<i>Kayu-kayu kolokos</i>	Sejenis kayu yang berair
<i>Kayu bolingkokoso</i>	Kayu boleh diperah
<i>Ilo noh kayu Sina</i>	Itulah kayu Cina
<i>Koilo do rusapan</i>	Pandai berikan ubat
<i>Sisimbar: Piasau</i>	Jawapan: Kelapa

Sundait 2 merupakan soalan teka-teki untuk kelapa yang mempunyai *sungu* (tanduk). *Sungu* ini akan dipotong sedikit demi sedikit (*gorib*) untuk mendapatkan nira. Nira boleh dijadikan sebagai *rusapan* (herba ataupun ubat tradisional) yang boleh menyembuhkan pelbagai penyakit. Nira yang dijadikan herba tidak diletakkan bahan pengawet yang disebut *rosok*. Herba ini dipercaya boleh menyembuhkan penyakit *longohon* (selesema) dan *kukulan* (batuk). Herba ini juga boleh dijadikan sebagai minuman untuk melancarkan pencernaan. Untuk meneka *sundait* ini, seseorang perlu memahami pembayangnya, iaitu *kayu kolokos* (kayu yang mempunyai air) dan *rusapan* (herba). Perkataan *lokos* bermaksud sumber air atau mata air. Perkataan *bolingkokoso* bermakna memerah. Namun dalam *sundait 2* ini, perkataan tersebut bermaksud perbuatan untuk mendapatkan air. Oleh itu, seseorang perlu mahir berfikir agar dapat meneka jawapan dengan tepat, iaitu pokok yang mempunyai air dipuncaknya dengan cara memerah serta airnya boleh dijadikan herba ialah kelapa.

Sundait 3

<i>Orubat no guntomou</i>	Sayangnya si hijau
<i>Sinagod di gumporing</i>	Dipotong oleh si bambu

<i>Okon poo tombulan</i>	Lebih lagi si <i>tombulan</i>
<i>Mogisuuai kawantaion</i>	Berlainan tempat diletakkan
<i>Sisimbar : Sigup di oribon</i>	Jawapan: <i>Sigup</i> yang dihiris

Sundait 3 merupakan bayangan kepada *sigup* (tembakau). Daun tembakau yang dipetik berwarna *otomou* (hijau) yang disebut *guntomou* (si hijau). *Sinangod di gumporing* bermakna dipotong atau dihiris dengan menggunakan bambu yang telah ditajamkan. Setelah dihiris, akan diletakkan di atas bambu yang disebut *binarabat* untuk dijemur.

Peneka jawapan perlu memahami perkataan *guntomou*, *sinangod di gumporing* dan *kawantaion* untuk mendapatkan tekaan jawapan yang tepat. Hal ini disebabkan dalam etnik Dusun Liwan yang mempunyai tradisi memakan sirih, *mangambud* atau *mononsini* (meletakkan tembakau di bibir sebagai sontel) atau *monigup* (merokok) pastinya memerlukan *sigup* (tembakau) dalam kehidupan seharian. Terdapat dua benda yang dipotong menggunakan *poring* (bambu) dalam tradisi Dusun Liwan, iaitu pertama *mongimpusod* (memotong tali pusat bayi) dan *mongorib do sigup* (menghiris tembakau). Hanya *sigup* yang berwarna hijau dan perlu *pawantaion* (diletakkan pada satu tempat untuk tujuan menjemur atau mengeringkan). Penciptaan *sundait* seperti ini menjadikan karya sastera rakyat ini mempunyai kearifan tempatan tersendiri dalam memberikan pendidikan mengasah minda seseorang.

c. Kearifan tempatan dalam melegakan kepenatan bekerja

Etnik Dusun Liwan mengamalkan aktiviti berteka-teki ketika menuai padi. Sifat semulajadi *sundait* yang mempunyai unsur lucu menjadikan ianya sebagai sesuatu yang melengahkan kepenatan ketika bekerja sehingga terik matahari pun tidak dirasakan. Suasana ini akan mendorong seseorang untuk terus bekerja sehingga kepenatan menuai padi ini tidak dirasakan. Contoh-contoh *sundait* untuk fungsi melegakan kepenatan bekerja adalah seperti berikut:

Sundait 4

<i>Anaru imboronoi</i>	Panjang <i>imboronoi</i>
<i>Aa haro imboroson</i>	Tidak ada <i>imboroson</i>
<i>Oniba imbaranai</i>	Pendek <i>imbaranai</i>
<i>Ogumu imboroson</i>	Banyak <i>imboroson</i>

Imboronoi atau *imbaranai* bermakna air. Panjang dan pendek bermakna banyak atau sedikit.

Imboroson berasal dari kata akar *boros* yang bermakna perkataan atau berkata-kata. Panjang dan pendek ialah bayangan kepada banyak dan sedikit. Seseorang yang meminum air dengan banyak tidak akan memberikan kesan kepadanya tetapi seorang yang minum air tapai yang memabukkan akan memberikan kesan, iaitu seseorang yang lazimnya pendiam akan berani berkata-kata meskipun hal yang diperkatakannya tidak boleh diterima sepenuhnya. *Sundait* seterusnya adalah seperti berikut:

Sundait 5

<i>Anaru bumbuiki</i>	Panjang ekor
<i>Aa haro bumbuakon</i>	Tiada kaki
<i>Anaru bumbuakon</i>	Panjang kaki
<i>Aa haro bumbuiki</i>	Tiada ekor

Sundait seperti ini sangat mudah kerana peneka hanya perlu memikirkan binatang yang mula-mula mempunyai ekor kemudian ekornya akan hilang sedikit demi sedikit, iaitu *langkangob* atau *landoi* (berudu) kemudian menjadi *bonong* atau *saai* (katak).

Sundait 6

<i>Minsayau-sayau oku po</i>	Saya menari-nari dulu
<i>Mintarok-tarok oku po</i>	Saya melompat-lompat dulu
<i>Busul do tasu</i>	Dubur anjing
<i>Mundul do tinu</i>	Kelak akan keluar

(Sisimbar: *Taasok om parai sumuni*)

(Jawapan: alat menanam padi dan padi yang tumbuh)

Sundait di atas memberikan dua baris pertama sebagai bayangan kepada jawapan pertama manakala dua baris seterusnya sebagai bayangan kepada jawapan kedua, namun jawapan ini adalah berkaitan. Perkataan *minsayau-sayau* dan *mintarok-tarok* (menari-nari) merupakan keadaan *taasok* (kayu yang digunakan untuk menugal) ketika *mangasok*. Ini diikuti dengan meletakkan benih padi yang kemudian akan tumbuh, bayangan tersebut sebagai dubur anjing.

d. Kearifan tempatan dalam memberikan pendidikan.

Nilai pendidikan yang terdapat dalam *sundait* meliputi nilai etika, estetika, agama dan sosial. Nilai etika meliputi kesopanan, kepatuhan, dan keteladanan. Nilai estetika meliputi keindahan dan pencitraan. Nilai agama meliputi perintah dan larangan. Perintah terdiri daripada perintah untuk taat dan perintah tentang kepercayaan, manakala larangan terdiri daripada tegahan untuk tidak musyrik dan larangan untuk bertingkah laku tidak baik. Nilai sosial pula meliputi nilai sosioekologi dan nilai sosiopsikologi. Nilai sosioekologis terdiri daripada gambaran tentang tumbuhan, benda, binatang dan perlakunya, gambaran tentang latar alam dan gambaran tentang makanan dan minuman. Nilai sosiopsikologis terdiri daripada gambaran perilaku sehari-hari dan sindiran terhadap perilaku manusia. Contoh *sundait* nilai sosioekologis yang menjelaskan gambaran tentang tumbuhan adalah seperti berikut:

Sundait 7

<i>Tomou tuntu gondilung</i>	Hijau pucuk <i>gondilung</i>
<i>Tinakapan kosumba</i>	Ditudungkan <i>kosumba</i>
<i>Iri poh kookuan</i>	Itu sahaja masalahnya
<i>Tu okuti rumambit</i>	Sedikit yang menerima
<i>Sisimbar: lado</i>	Jawapan: Cili

Gondilung dalam *sundait* diatas merujuk kepada gambaran tangkai lada manakala *kosumba* adalah yang berwarna merah. Bayangan *sundait* ini membawa maksud lada yang telah masak. Hal ini diteguhkan dengan bayangan sedikit yang menerimanya atau meminatinya kerana ia pedas.

Selanjutnya adalah *sundait* yang menekankan pendidikan nilai sosiopsikologis, iaitu gambaran perilaku kehidupan sehari-hari manusia adalah seperti berikut:

Sundait 8

<i>Nokosunsuya oku</i>	Tergelincir saya
<i>Do rinanahan do dayang</i>	Sawa si gadis
<i>Nokokulapai oku</i>	Saya dapat mendaki
<i>Do nulu miniantago</i>	Bukit yang tinggi

Sundait di atas berkaitan dengan aktiviti sehari-hari etnik Dusun Liwan pada zaman dahulu, iaitu *moniri parai* (mengasingkan beras dengan padi). *Moniri parai* dimulakan dengan meletakkan padi bercampur beras yang baru ditumbuk di atas bakul yang dinamakan *rilibu*. Kemudian *rilibu* yang

digoyang-goyangkan akan menyebabkan padi dan beras dapat diasingkan. Beras kemudiannya dikeluarkan daripada bakul dan disimpan di suatu tempat. Proses mengeluarkan padi daripada *rilibu* ini digambarkan dengan perkataan *nokokulapai*. Dayang ialah perkataan yang digunakan untuk perempuan kerana lazimnya kerja *moniri parai* ini dilakukan oleh perempuan. *Sundait* ini menggambarkan pekerjaan wanita, iaitu menumbuk padi kemudian mengasingkan beras daripada padi. Wanita yang tidak tahu melakukan pekerjaan ini akan disindir sebagai seorang yang tidak sesuai untuk dijadikan isteri. Oleh itu, *sundait* ini merupakan pendidikan kepada ibu agar mendidik anak peremuannya melakukan pekerjaan yang sesuai dengan menghasilkan beras untuk makanan keluarganya.

e. Kearifan tempatan dalam merentas adat dan pantang larang

Dusun Liwan melarang penggunaan perkataan berbentuk lucah, biadap, kasar dan yang seumpamanya. Perbuatan menggunakan perkataan ini secara terbuka akan dikenakan *sogit*, iaitu denda atas kesalahan mengucapkan perkataan yang bertentangan dengan norma sosial etnik ini. Namun demikian, penggunaan perkataan ini dalam bentuk *sundait* atau sastera rakyat tidak dianggap sebagai kesalahan kerana maksud perkataan tersebut bukan bertujuan untuk menghina, memalukan atau mengaibkan seseorang. Keadaan tersebut merupakan kearifan tempatan etnik Dusun Liwan dalam merentas adat dan pantang larang melalui pengucapan *sundait*. Contoh *sundait* yang mempunyai kearifan tempatan seperti ini adalah seperti berikut:

Sundait 9

"Songgol-songgolon o toli, kokog-kokogon o toto"

Sisimbar: Monutu parai om monguot do parai id tosung

(Zakar dipegang-pegang, faraj disaluk-saluk)

Jawapan: Menumbuk padi dan mengorek padi dari dalam lesung

Walaupun pembayang *sundait 9* itu lucah namun jawapannya adalah baik dan langsung tidak berkaitan dengan perbuatan lucah. Pengucapan *sundait* seperti ini dianggap biasa dan diterima secara umum tanpa dikenakan *sogit*.

Kesimpulan

Sundait terbina oleh unsur-unsur pelbagai fenomena, ungkapan bahasa dan pelbagai motif yang memerlukan pentafsiran dan penilaian untuk kefahaman. Apabila *sundait* digunakan sebagai

bahan pengajaran dan pembelajaran, pelajar akan memperoleh pengalaman baharu, iaitu menanamkan kesuburan berfikir terhadap perlakuan manusia. Hal ini disebabkan setiap susunan yang membentuk *sundait* diolah dengan baik agar dapat memberikan makna yang dalam dan seterusnya memberikan kesedaran tentang sebab dan akibat daripada peristiwa yang akan mencerna daya fikir dan rasa ingin tahu pelajar. Contohnya, untuk menjawab *sundait*, pelajar perlu memahami makna perkataan, perlambangan yang digunakan seterusnya meneka jawapan. Proses ini memerlukan kemahiran berfikir. Secara tidak langsung ini akan menanamkan kemahiran berfikir dalam diri pelajar.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa kearifan tempatam dalam *sundait* memberikan sumbangan yang besar dalam pendidikan. Bahan ini sarat dengan nilai-nilai pendidikan yang sesuai dan berkesan untuk membantu mencapai objektif-objektif falsafah pendidikan negara, iaitu yang pertama, untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Kedua, untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis, pendidikan dijalankan secara berterusan untuk membantu individu merealisasikan potensinya secara menyeluruh dan bersepada. Ketiga, untuk melahirkan insan yang berilmu, berketerampilan dalam mencari kesejahteraan diri. Keempat, untuk melahirkan rakyat yang telah mempunyai kesejahteraan dan keharmonian hidup, mampu memberikan sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara. Sifat-sifat *sundait* yang dapat disebarluaskan secara meluas, mudah disesuaikan dengan pelbagai konsep dan sasaran, membolehkan pelajar mempelajari cara komunikasi yang lebih sopan dan boleh menajamkan minda serta dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan bermakna. Selain itu, *sundait* dapat memenuhi kemahiran-kemahiran pembelajaran bahasa ini terutamanya untuk domain *kolumison boros* (keindahan bahasa). Seterusnya, bahan ini dapat meningkatkan kecekapan berbahasa dan berfikir secara kreatif, kritis dan analitik. Tegasnya *sundait* dapat memberikan implikasi kepada pelajar, iaitu pertama, memperjelas kepada generasi baharu bahawa *sundait* merupakan seni kemahiran, warisan dan peradaban. Kedua, melalui apresiasi *sundait*, pelajar dapat menghayati seni bahasa. Ketiga, bagi yang mempunyai bakat, *sundait* boleh dijadikan sebagai kerjaya dan peluang untuk berkarya. Keempat, apresiasi ta/aa/a sebagai bahan sastera dapat mengeksplorasi emosi dan rasa bagi menimbulkan keinsafan nilai kemanusiaan dan komitmen kepada daya mempertahankannya. Kelima, *sundait* memberikan pengalaman baharu kepada individu. Keenam, membina keperibadian positif dalam diri individu berasaskan nilai-nilai murni dalam pendidikan. Dengan itu, *sundait* dapat membantu para pendidik dalam merealisasikan

hasrat Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan pelajar yang kaya dengan pemikiran dan pancaran budi serta seimbang dari segi jasmaniah dan rohaniah.

Penghargaan

Kajian ini dihasilkan daripada projek penyelidikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk penyelidikan Bahasa Sukuan Sabah khususnya untuk teka-teki pelbagai etnik di Sabah. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih atas geran yang diberikan sehingga kajian ini terlaksana. Kajian ini sangat penting untuk pendokumentasian dan pembahasan secara ilmiah bahasa sukuan Sabah yang semakin kurang diaplikasi oleh penutur jatinya.

Rujukan

Arena Wati. (1978). *Pribumi Sabah Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Yayasan Sabah.

Azra Qistina Abdul Azis dan Mohd Rizal Muwazir. (2021). Analisis Konsep Kepatuhan Beragama Daripada Perspektif Islam. Dalam *JOURNAL OF ISLAMIC MANAGEMENT AND FINANCE*. VOL 1 NO 1:48-62

Benedict Topin. (2002). The Kaamatan Festival. Dlm Buku Cenderamata *Pesta Kaamatan Peringkat Negeri Sabah di Hongkod Koisaan KDCA*. Penampang: Kadazandusun Cultural Assosiation.

Evans, I.H.N. (1923). *Studies in Religion, Folk-Lore and Custom in British North Borneo and the Malay Peninsular*. Cambridge: Cambridge University Press

Luping, H. J. (2009). *Indigenous Ethnic Communities of Sabah: The Kadazandusun*. Kuala Lumpur: Ministry of Information, Communication and Culture Malaysia.

Muhammad Ikhlas Rosele dan Abdul Karim Al. (2019). Konsep Kearifan Tempatan Menurut Perseptif Hukum Islam. Dalam *Jurnal Fiqh*, Vol. 16 No. 1 (2019) 1-24.

Nursyamsi. (2015). Penggunaan Aspek Bahasa Dalam Teka-teki Tradisional Etnik Kaili. Dalam *Aksara* Vol 27, No 1 Jun:49-64

Patricia Ganing, Asmiaty Amat dan Lokman Abdul Samad. (2018). Represantasi Tanda Babi Sebagai Penanda Penyucian Dalam Entelah Masyarakat Iban. Dalam *Jurnal*

Antarabangsa Dunia Melayu Jilid II Bil.1 Januari:47-69.

Rosliah Kiting, Wilfred Madius Tangau, Benedict Topin dan Minah Sintian. 2019. Cabaran dan Pemantapan Pengajaran Bahasa Kadazandusun. Dalam *Kesusasteraan dan Kebudayaan Borneo*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Taylor, A. 1961. Characteristic Of German Folklore Studies. Dalam Richard Dorson (ed). *Folklore Research Around The World: A North American Point of View*. Bloomington;Indiana University Press, him 7-15.

Udong, R. F. 2006. *Nunuk Ragang*. Lawatan Tahunan ke-II ke Pusat Warisan Nunuk Ragang, 1 Julai: 23-29.

Udong, R. F. 2004. *Bobolian: Dari Perspektif Moral dan Budaya*. Kertas Kerja 10th Triennial KDCA Delegates Conference. 4-5 Disember

Senarai Informan

1. Kiting Gusiang (umur 75 tahun)
2. Usiah Gambilid (Umur 71 tahun)
3. Dommin Bondior (Umur 61 tahun)
4. Jupiling Liandun (60 tahun)